



# Cambridge IGCSE™

---

FIRST LANGUAGE MALAY

0696/01

Paper 1 Reading and Directed Writing

For examination from 2021

SPECIMEN INSERT

2 hours

---



## INFORMATION

- This insert contains the reading passages.
- You may annotate this insert and use the blank spaces for planning. **Do not write your answers** on the insert.

## MAKLUMAT

- Sisipan ini mengandungi teks-teks bacaan.
- Anda boleh membuat catatan pada sisipan ini dan gunakan ruang kosong untuk merangka jawapan. **Jangan tulis jawapan anda** pada sisipan tersebut.

---

This document has **6** pages. Blank pages are indicated.

Baca Teks A, kemudian jawab Soalan 1 dalam Kertas Soalan.

### Teks A: Sulaman Kasih

(Diubah suai daripada Wan Hanif Wan Hamid, Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2015)

BUNTANG mata Syahmi memandang kipas angin yang sedang berputar di siling. Perutnya yang berkeroncong itu diusap berkali-kali. Sejak Subuh tadi dia belum menjamah apa-apa makanan untuk diproses. Hanya meminum air suam sebelum menggosok gigi. Memang itulah yang diamalkan oleh dirinya. Sudah menjadi kebiasaan. Pada awalnya memanglah gelisah sedikit. Namun kalau sudah menjadi kebiasaan, tiada apa lagi yang hendak digelikan. Lagipun, amalan ini baik untuk kesihatan jika diamalkan. Dia bangun dan bergegas ke dapur untuk sarapan.

“Wah, sedapnya! Mak, boleh Syahmi habiskan nasi goreng ni?” tanya Syahmi bersungguh-sungguh. Mana tidaknya, nasi goreng Cina yang dibuat oleh emak merupakan makanan kegemarannya sejak kecil lagi. Kalau diberi sekual besar pun, sudah pasti dia mampu habiskan.

“Eh, jangan macam tu. Adik kamu, Zulfadzley tu belum makan lagi. Simpanlah untuk adik kamu sedikit. Nanti menangis pula kalau dia tak dapat makan,” tegas emak. Syahmi tarik muka. Kalaulah emak memberi lampu hijau kepadanya, sekelip mata sahaja semua nasi goreng itu akan lesap.

“Asyik adik saja,” sungut Syahmi seorang diri dengan marah. “Biarlah dia. Siapa suruh dia tidur selepas Subuh. Pandai-pandailah.” Adiknya itu dibiar tidur semula lepas Subuh, dan selepas Sang Matahari sudah mencacak di atas kepala, barulah matanya akan kembali terbuka, sambil tersenyum lebar. Sudah menjadi tabiat. Entah selimut syaitan jenis apalah yang menutupi badannya. Disimbah air pun, masih susah hendak bangun.

Syahmi sentiasa bersikap cemburu terhadap Zulfadzley. Ada sahaja perkara yang akan menjadi perbalahan antara mereka berdua itu. Walaupun sekecil zarah, masalah itu mungkin meletup bila-bila masa. Maklumlah, kedua-dua orang anak Puan Alya dan Encik Aliff ini sahajalah yang ada dalam keluarga kecil itu. Tambahan pula, kedua-duanya lelaki. Mereka selalu seperti anjing dengan kucing dan yang akan menangis dan melalak sekutu hati, Zulfadzley.

Tahun demi tahun, Syahmi sering terfikir kalau Zulfadzley tidak lahir ke dunia ciptaan Allah ini, dia sudah pasti ditatang seperti minyak penuh. Namun, ketika kelahiran adiknya itu sembilan tahun lalu, Syahmilah yang paling gembira kerana akan mendapat seorang adik yang bakal menjadi teman untuknya bermain.

“Mak, bila adik nak lahir? Beritahulah! Bila? Rasa seperti menunggu kucing bertanduk!” ujar Syahmi dengan penuh keterujaan. Mana tidaknya, sudah jenuh dia menunggu kelahiran adiknya itu. Sembilan bulan. Terlalu lama bagi seorang kanak-kanak seusia enam tahun.

“Sabarlah. Tak lama lagi lahirlah adik kamu ni,” pujuk emak. Sebagai emak, sudah menjadi tanggungjawabnya untuk memujuk anak kecil itu yang masih belum memahami apa-apa. “Masih belum mumayyiz,” dia fikir sendiri; masih bermain dengan permainan, masih menonton cerita-cerita kartun, dan masih berkata tentang perkara-perkara yang tidak logik.

“Mestilah Syahmi nak adik lelaki. Nanti kalau dapat adik lelaki, mak bagilah nama dia Zulfadzley. Macam abang saudara Syahmi tu, Abang Zulfadzley. Dia pandai. Selalu ajar Syahmi baca buku. Lagipun, nanti boleh Syahmi main lawan-lawan dengan adik,” usul Syahmi. Abang Zulfadzley, sepupunya, sentiasa dijadikan idola. Seorang pelajar yang berkarisma dan cerdik yang belajar di sebuah sekolah yang terkenal.

5

10

15

20

25

30

35

"Mak, adik Syahmi ni, lelaki ke perempuan?" tiba-tiba Syahmi bertanya bersungguh-sungguh. "Entahlah Syahmi, mak pun belum tahu. Bukanakah semua bayi hadiah yang baik?" jawab emak, mengalih pandangannya dari renungan tajam anaknya. Lagipun, seorang anak perempuan akan melengkapkan keluarganya.

40

Begitulah saat Zulfadzley belum dilahirkan untuk menjengah bumi hijau ini. Menjadi seseorang yang amat diharapkan dalam hidup Syahmi persis sebutir bintang yang akan memberi sinar baharu dalam kehidupan itu.

45

"Syahmi, tolong mak pergi kedai Pak Amir Hisyam tu kejap. Belikan halia dan bawang putih. Mak nak masak sup ni," pinta emak kepada Syahmi.

"Mak ni, itu kan makanan kegemaran adik. Suruhlah dia yang pergi beli. Bukan jauh sangat pun kedai tu. Di simpang jalan tu saja," ungkal Syahmi.

50

"Kamu ni. Nanti kamu juga nak makan sup tu. Tak apalah. Zulfadzley, tolong mak pergi kedai. Belikan halia dan bawang putih," ujar emak sambil mengerutkan dahinya. Sejak berada di Tingkatan Satu, Syahmi menjadi pakar melesapkan diri. Apabila emaknya menjumpainya dan meminta pertolongannya, dolak-dalihnya boleh dikatakan biadap. Segala tugas yang emak berikan kepada dirinya akan terus berubah arah menjadi tugas Zulfadzley.

55

"Kejap, mak. Zulfadzley nak buang sampah ni untuk mak," kata Zulfadzley. Syahmi rasa meluat. "Pandai betul tipu muslihat Zulfadzley memperalatkan emak. Bagi emak, anak emasnya ini pijak semut pun tak mati. Dia memang pantang disuruh. Tambah-tambah lagi sekiranya diupah dengan gula-gula ataupun aiskrim yang sentiasa menjadi kegemarannya. Tidak hairanlah badannya gempal," cemuh Syahmi sambil melihat tubuhnya yang tegap di cermin.

60

Basikal yang tersadai di tepi dinding rumahnya itu ditenung Zulfadzley. Sayu sahaja. Sudah seminggu basikalnya tersadai. Sudah bersawang agaknya. Brek basikal yang rosak itu masih belum dibaiki. Takut pula hendak menunggang basikal. Manalah tahu, sedang kayuh laju-laju, tidak sempat pula hendak membrek, sudah tentu dia akan terjatuh.

"Ah, basikal ni tak elok lagi. Pinjam basikal abanglah," getus Zulfadzley. Besar harapan agar abangnya itu akan membenarkan dia meminjam basikal BMX yang menjadi kesayangan abangnya itu. Basikal itu ialah hadiah pemberian emak dan ayah kepadanya selepas memperoleh 5A dalam peperiksaan UPSR dahulu.

65

"Abang, Zulfadzley nak pinjam basikal. Nak pergi kedai. Boleh, ya?" tanya Zulfadzley, suaranya sedikit meninggi supaya semua orang di dalam rumah boleh dengar.

70

"Ah, tak boleh! Pergi jalan kaki. Kaki ada, kan? Nanti kalau dah tak ada kaki baru menyesal," sanggah Syahmi tidak membenarkan basikal kesayangannya itu dipinjam oleh Zulfadzley. Dia langsung tidak mahu berkongsi segala barangnya dengan adiknya itu sejak akhir-akhir ini. Katanya, takut dirosakkan oleh adiknya itu.

"Tak apalah kalau tak boleh. Zulfadzley pergi jalan kaki. Lagipun kedai taklah jauh sangat," ujar Zulfadzley dengan nada rendah sambil mengangkat kedua-dua tangannya. Bukan sekali, sudah berkali-kali abangnya memperlakukan dirinya begitu.

75

Baca Teks B dan C, kemudian jawab Soalan 2 dalam Kertas Soalan.

### Teks B: Usaha Melestarikan Alam Sekitar

(Dibuat suai daripada Khairul Abdin Nuar, [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my), 22.11.2012)

LUMUT 21 Nov. – Melihat situasi perubahan iklim global yang kian meruncing, usaha penanaman pokok kini dilihat sebagai salah satu jalan penyelesaian penting ke arah mewujudkan kelestarian alam sekitar.

Pokok bukan sahaja membekalkan oksigen malah mengawal kuantiti gas karbon dioksida di atmosfera. 5

Selain menjadi tempat perteduhan, pokok juga mampu mengurangkan risiko banjir serta pencemaran bunyi.

Oleh itu, Syarikat Amin Global Bhd. telah mengambil langkah secara proaktif dengan mewujudkan program menanam pokok pada setiap majlis pembukaan cawangan baharu pusat membeli-belah itu. 10

Pengarah Urusannya, Nur Asma Abdullah berkata, syarikatnya percaya program menanam pokok ialah satu cara melibatkan secara langsung seluruh komuniti, terutama sekali anak-anak muda.

“Sejak tahun 1991 syarikat kami telah menanam lebih daripada 450 000 anak pokok di seluruh negara bersama-sama sekolah-sekolah tempatan,” katanya lagi. 15

“Secara khusus kami telah memilih spesies Rhu Bukit, *African Mahogany*, *Burma Rosewood* dan *Purple Coral Tree* sebab ini adalah spesies yang paling berisiko tinggi.”

“Program penanaman pokok ini sebenarnya selari dengan misi korporat dan aktiviti Syarikat Amin Global Bhd untuk menghijaukan bumi buat generasi akan datang.”

“Selain memperkembangkan rangkaian pusat beli-belah Syarikat Amin Global Bhd. di seluruh negara, pada masa yang sama kita dapat berinteraksi lebih dekat dengan masyarakat setempat,” katanya. 20

“Kami berharap aktiviti penanaman pokok akan diterima sebagai satu aktiviti masyarakat di kebanyakan tempat di bandar dan kampung di seluruh negara. Pendidikan dan maklumat adalah sangat penting – di laman web – kami, kami sudahpun sediakan nasihat-nasihat yang praktikal mengenai pilihan jenis-jenis pokok yang paling sesuai untuk jenis-jenis cuaca serta tanah-tanah tertentu, dan tahun hadapan kami akan memulakan satu halaman media sosial untuk pakar-pakar menjawab pertanyaan-pertanyaan daripada orang ramai, dan berikan maklumat yang lebih terperinci. Kami ingin supaya perkhidmatan baharu ini diberi publisiti yang seluas mungkin.” 25

“Kami sudahpun mendapat maklum balas yang menunjukkan minat, daripada individu-individu yang mahu menjadi sukarelawan dan pertubuhan-pertubuhan – seperti sekolah-sekolah – yang mahu memperkenalkan penanaman pokok dan meningkatkan kesedaran tentang alam sekitar sebagai sebahagian daripada aktiviti mereka. Kami juga menawarkan peluang latihan dan peluang mendapat pengalaman bekerja kepada para pelajar yang boleh menunjukkan penglibatan mereka dalam usaha melindungi alam sekitar, yang boleh membawa kepada pengajian diploma dalam bidang pengurusan alam sekitar.” 30  
35

"Kami rasa bahawa kami telah membuat satu permulaan yang baik dan telah berjaya menaja dari segi kewangan beberapa buah projek. Tajaan ini akan diteruskan, tetapi kami dengan rendah hatinya rasa inisiatif ini perlu diserahkan kepada seluruh negara di mana tentunya ada minat bersama. Kami berharap laman web kami akan bertindak sebagai katalis; forum untuk semua orang datang bersama dan berkongsi pendapat dan kepakaran dan berhubung dengan anak-anak muda di seluruh dunia yang mempunyai pandangan yang serupa. Ini perlu dimulakan dengan inisiatif yang kecil di peringkat tempatan, jadi kalau anda mahu selamatkan planet ini, sudah tiba masanya untuk bertindak dan berbuat sesuatu!"

40

## Teks C

(Dibuat suai daripada Afiq Hanif, [www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my), 19.04.2017)

Pembangunan rancak boleh memudahkan kehidupan untuk ramai orang, namun sebagai pembangun dan pengguna – kita tidak boleh menutup mata kepada masalah pemanasan global yang diakibatkan oleh pembangunan.

Pemanasan global telah dikaitkan dengan kesan rumah hijau yang mengakibatkan peningkatan suku akibat peningkatan dalam pengeluaran karbon dioksida. 5

Kalau kita tidak berbuat apa-apa mengenai pengeluaran ini, maka dalam 100 tahun lagi suhu mungkin akan meningkat dengan sebanyak sekitar 1.0 hingga kira-kira 3.0 darjah Selsius: satu peningkatan yang membahayakan kebanyakan bahagian planet ini.

Pengangkutan, kilang-kilang dan peningkatan taraf hidup berdasarkan barang pengguna elektrik adalah kesemua faktor yang menyumbang kepada masalah ini. 10

Dari perspektif pengguna, anda perlu menjimatkan tenaga elektrik dengan menggunakan peralatan yang cekap tenaga; kurang menggunakan tenaga dan padamkan lampu, kipas dan lain-lain yang tidak diguna.

Dan juga, jangan biarkan komputer atau apa-apa peralatan elektrik pada mod siap sedia dan jangan terlalu kerap membuka pintu peti sejuk kerana perbuatan ini akan menjana tenaga secara berterusan. 15

Anggota-anggota masyarakat memerlukan galakan dan maklumat menerusi projek-projek tempatan. Setiap rumah perlu menanam sekurang-kurangnya dua pokok di dalam tamannya sebagai kempen pemuliharaan alam sekitar yang bersih dan hijau di samping menjaga pokok-pokok yang sedia ada. 20

Pendidikan alam sekitar perlu dipertingkatkan terutama di peringkat sekolah menengah bagi memupuk kesedaran, kefahaman dan rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar dalam meneruskan ekosistem teknologi sedia ada.

Dari aspek industri, penggunaan tenaga baharu adalah perlu untuk mencari penyelesaian kepada masalah peningkatan penggunaan elektrik di negara ini yang dijana tenaga bukan gas atau arang batu. 25

Namun, malangnya, tenaga baharu seperti solar masih kurang mendapat sambutan dan tidak digunakan dengan meluas.

Pemanasan global ialah satu masalah global sebenar: tetapi penyelesaian kepada masalah ini bermula dengan kesedaran kita sendiri, dan keputusan yang kita buat setiap hari untuk hidup di planet yang disayangi ini. Sudah tiba masanya kita sedar akan tanggungjawab kita! 30

### *Copyright Acknowledgements:*

- Text A: © W. H. W. Hamid; *Sulaman Kasih*, in *Teratak Berjasa, Kumpulan Cerpen Remaja*; ITBM; 2015.  
 Text B: © K. A. Nuar; *Usaha Melestarikan Alam Sekitar*; Utusan Malaysia; 22 November 2012.  
 Text C: © A. Hanif; *Niat nak pasang tapi...*; Harian Metro; 19 April 2017.

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

Cambridge Assessment International Education is part of the Cambridge Assessment Group. Cambridge Assessment is the brand name of the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which itself is a department of the University of Cambridge.